

KAJIAN BANGUNAN-BANGUNAN BERSEJARAH

DI PUSAT BANDARAYA KUCHING

Oleh

SUDIRMANTO BIN HAJI MOHAMAD

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur

Institut Teknologi Mara

Shah Alain

Mac 1998

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya maka akhirnya dapat juga kajian akhir ini diselesaikan. Walaupun kajian ini tidak akan berhasil tanpa bantuan individu atau pihak-pihak yang banyak memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih khas buat penyelia kajian ini iaitu Puan Hajjah Salehaton Bte. Hussein Sazally yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan dari segi idea-idea dan tenaga bagi membantu saya menyiapkan kajiali ini. Di samping itu juga tidak lupa juga kepada Jabatan yang telah memberikan kerjasama seperti:

Unit Perancangan Bandar, Taman dan Rekreasi Dewan Bandaraya Kuching Utara dan kakitangannya.

Jabatan Muzium dan Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sarawak yang telah sudi membantu mengumpul data-data dan maklumat yang dikehendaki.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah ITM Shah Alam kerana telah memberikan dorongan dan galakan kepada saya untuk belajar berdikari.

Akhir sekali penghargaan yang tidak terhingga khas ditujukan buat ayahanda dan bonda serta keluarga tersayang yang telah banyak berkorban sepanjang pengajian saya di sini.

Segai jasa dan pengorbanan pihak-pihak terbabit samada secara langsung atau tidak langsung akan sentiasa dihargai. Sesungguhnya segala bakti budi Puan, keluarga dan rakan-rakan akan saya kenang sampai bila-bila, Sekian

## ABSTRAK

Kajian yang diberi nama "Kajian Bangunan-Bangunan Bersejarah di Pusat Bandaraya Kuching" ini adalah sebuah kajian yang menyingkap mengenai bangunan-bangunan lama yang terdapat di pusat Bandaraya Kuching di mana kebanyakannya mempunyai nilai sejarah yang penting dalam perkembangan bandaraya tersebut. Daripada kajian yang telah dibuat ini, pembaca akan sama-sama mengetahui mengenai keadaan bangunan-bangunan kajian dari segi sejarah maupun perkembangan semasa bangunan-bangunan ini. Melalui pendekatan dan kaedah analisis yang dibuat pembaca boleh menggambarkan keadaan bangunan-bangunan ini melalui penerangan yang dibuat dan gambar-gambar yang telah disediakan. Penekanan yang dibuat pada kajian ini adalah dari segi senibina, persekitaran bangunan, lokasi dan kemudahan yang terdapat di sekitar bangunan tersebut. Ini adalah penting bagi mengkaji struktur fizikal bangunan tersebut dan keadaan sekitarnya yang boleh mempengaruhi pengguna dan pengunjung yang datang di bangunan tersebut. Ini adalah kerana, bagi mengemukakan cadangan yang sesuai dari aspek perancangan bandar, cadangan tersebut bukan sahaja untuk aspek fizikal bangunan sahaja tetapi keadaan sekitarnya juga penting dalam aspek tersebut. Dengan adanya kajian ini, pembaca boleh mengganibarkan sendiri bagaimana keadaan sebenar bangunan yang mempunyai nilai-nilai sejarah di Bandaraya Kuching. Ini adalah kerana bangunan-bangunan lama juga merupakan sebahagian daripada elemen-elemen lain yang terdapat dalam sesebuah bandar.

Penghargaan

Abstrak

Isi kandungan

Senarai Jadual

Senarai Gambarajah

Senarai Rajah

Senarai Lampiran

## KANDUNGAN

### BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

1.2 Kenyataan Isu

1.2.1 Pengubahsuaian Bangunan

1.2.2 Bangunan Diroboh

1.2.3 Tiada Penyelenggaraan

1.2.4 Persekitaran Bangunan

1.2.5 Kesesakkan Ruang

1.2.6 Pencemaran

1.3 Tujuan

1.4 Objektif